



## JABATAN PERHUTANAN NEGERI KELANTAN

### KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) di bawah kod bidang 220801 dan berdaftar sebagai kontraktor bumiputera serta memiliki Lesen daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk membuat tawaran bagi sebutharga seperti berikut :

NO. SEBUTHARGA	SEBUTHARGA
PHN.KN/BKP/SH/02/2022	SEBUTHARGA BAGI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN UNTUK ENAM (6) PREMIS DIBAWAH JABATAN PERHUTANAN NEGERI KELANTAN IAITU PEJABAT HUTAN JAJAHAN KELANTAN SELATAN, PEJABAT RENJER HUTAN BATU PAPAN DAN GALAS, STOR BARANG SITAAN DI LALOH, PEJABAT RENJER HUTAN STONG DAN KUALA BALAH, STOR SITAAN MANAL DAN PEJABAT RENJER BUKIT BATU TAPONG/TAPAK SEMAIAN BAGI TEMPOH DUA TAHUN BERMULA 01 JANUARI 2023 HINGGA 31 DISEMBER 2024.

Tawaran Sebut Harga di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

1. Pendaftaran sebagai kontraktor bumiputera dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dalam bidang kod 220801-Kawalan Keselamatan. (Sila majukan salinan sijil pendaftaran dengan Kementerian Kewangan yang masih sah tempohnya sekurang-kurangnya enam (6) bulan untuk rujukan Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan. **(Kontraktor yang tidak berdaftar dibawah kod 220801 tidak layak membeli borang sebutharga).**)
2. Memiliki lesen daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi menjalankan perkhidmatan kawalan keselamatan (Sila majukan salinan sijil lesen untuk rujukan Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan)
3. Tempoh sah laku tawaran sebut harga adalah selama Sembilan puluh (90) hari dari tarikh tawaran sebutharga.
4. Tempoh kontrak perkhidmatan adalah untuk tempoh **DUA TAHUN bulan bermula 01 Januari 2023 hingga 31 Disember 2024.**
5. Tawaran sebutharga hendaklah berdasarkan kepada spesifikasi perkhidmatan di Dokumen Sebutharga yang akan dijual pada hari taklimat sebutharga.

6. Sila majukan Profail Syarikat, Borang 4 dan 49 (Akta Syarikat / Perakuan Pendaftaran Perniagaan (Ordinan) untuk rujukan kami.
7. Sila majukan maklumat tentang pengalaman syarikat tuan dalam perkhidmatan kawalan keselamatan. (2 tahun lepas dan terkini)
8. Taklimat sebutharga akan diadakan sebagaimana berikut :

**Tarikh : 14 Disember 2022 (Hari Rabu)**  
**Masa : 10.00 Pagi**  
**Tempat : Bilik Mesyuarat Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan**

9. Setiap penyebutharga **disarankan** untuk membuat lawatan sendiri ke tapak/pejabat..
10. Dokumen sebutharga akan dijual pada hari taklimat dengan harga RM50.00 (Tunai).
11. Penyebutharga adalah dijemput membuat **Lawatan Tapak** bermula 11 Disember hingga 21 Disember 2022 dan melengkapkan borang pengesahan lawatan tapak. (dikembarkan bersama borang sebut harga).
12. Pihak tuan adalah diingatkan supaya meneliti dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti diatas bagi mengelakkan tawaran sebutharga tuan ditolak kerana tidak memenuhi syarat-syarat diatas.
13. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan/ kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah/ tinggi atau pun mana-mana tawaran.
14. Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut, sila berhubung terus dengan **Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Perhutanan Negeri, Kota Bharu** di talian 09-7481957 sambungan 5140.
15. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dengan mencatatkan tajuk dan No. Sebut harga disebelah kiri ruangan atas sampul dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga yang telah ditetapkan **sebelum atau selewat-lewatnya pada 22hb Disember 2022, jam 12.00 tengahari** di alamat berikut :

**JABATAN PERHUTANAN NEGERI KELANTAN,  
BLOK 5, TINGKAT 1,  
KOMPLEKS KOTA DARULNAIM,  
15503 KOTA BHARU,  
KELANTAN**



**ABDUL WAHAB BIN DERAMAN  
TIMBALAN PENGARAH PERHUTANAN (PEMBANGUNAN)  
JABATAN PERHUTANAN NEGERI KELANTAN  
b.p: PENGARAH PERHUTANAN NEGERI KELANTAN**